



## **KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : ASAS PEDAGOGI  
KOD MATA PELAJARAN : BBE 1033  
KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
TEKNIKAL  
TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006  
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT  
ARAHAN : JAWAB SOALAN S1 DAN  
TIGA SOALAN YANG LAIN.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG EMPAT MUKA SURAT

- S1 Semasa latihan mengajar anda dikehendaki menyediakan Perancangan Mengajar Harian yang lengkap dengan menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar. Maklumat dan format pengajaran adalah seperti berikut

- ( a ) Mata Pelajaran : Matematik
- ( b ) Masa : 80 minit
- ( c ) Tingkatan : 4 PKM
- ( d ) Tajuk : Segi Tiga Dalam Bulatan
- ( e ) Objektif Pengajaran dan Pembelajaran.
- ( f ) Alat atau Bahan Bantu Mengajar.
- ( g ) Pengetahuan Sedia Ada.
- ( h ) Pengurusan Kelas / Langkah Keselamatan.
- ( I ) Penerapan Nilai-Nilai Murni.
- ( J ) Tugasan.

Masa	Isi Pelajaran	Kefahaman / Kemahiran Pelajar	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	BBM/Nilai Catatan
	Pengenalan / Set Induksi			
	Penyampaian Isi			
	Penutup			

( 25 markah )

- S2 Terdapat banyak model pengajaran yang telah dihasilkan oleh pakar pendidik.
- Sebutkan lima model pengajaran yang sesuai dengan pendidikan teknik dan vokasional.  
( 5 markah )
  - Ulaskan dengan ringkas setiap model di S2 (a).  
( 10 markah )
  - Bincangkan bagaimana pengetahuan tentang model pengajaran dapat membantu guru Pendidikan Teknik dan Vokasional dalam pengajarannya.  
( 10 markah )
- S3
- Tuliskan tiga strategi pengajaran yang paling sesuai untuk pengendalian pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran teknikal.  
( 6 markah )
  - Berikan dua sebab bagi setiap strategi di S3 (a).  
( 9 markah )
  - Teknik menyoal boleh digunakan di dalam mana-mana pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Terangkan teknik menyoal yang betul.  
( 10 markah )
- S4 Peperiksaan merupakan kaedah penilaian sumatif. Oleh itu, ia perlu menepati objektif berkenaan. Soalan-soalan telah dibangunkan berdasarkan Taksonomi Bloom .
- Terangkan lima daripada enam peringkat pembelajaran oleh Bloom.  
( 10 markah )
  - Tuliskan tiga perkataan Tanya bagi setiap aras.  
( 15 markah )

S5 Dalam Tatasusila Profesional Perguruan Malaysia, banyak tanggungjawab yang perlu dipikul oleh seorang guru.

a) Tuliskan sepuluh peranan guru sekolah.

( 10 markah )

b) Terangkan tiga peranan utama.

( 15 markah )